

PROMOSI KAD DEBIT “SABTU 1-UNTUK-1” HONG LEONG

Last updated on 18 Mei 2017

TEMPOH PROMOSI

“Promosi Sabtu 1-untuk-1 Kad Debit Hong Leong” (“Promosi”) Hong Leong Bank Berhad (97141-X) (“Bank”) bermula pada **13 Mei 2017** dan berakhir pada **29 Julai 2017**, termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Promosi”), melainkan diberitahu sebaliknya.

Terma & Syarat

Terma dan syarat Promosi adalah seperti berikut:-

KELAYAKAN

1. Promosi ini terbuka kepada semua Pemegang Kad Debit Hong Leong dengan Kad Debit Bank termasuk Kad Debit Mach yang dikeluarkan oleh Bank (“Kad Debit”).
2. Promosi ini **TIDAK** terbuka kepada Kad Debit Hong Leong Islamic-i.

KAEDAH PROMOSI

3. Pemegang Kad Debit (“Pemegang Kad”) yang memenuhi kriteria berikut dengan menggunakan Kad Debit mereka di syarikat/peniaga terpilih seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah (“Syarikat/Peniaga Turut Serta”) akan layak menikmati tawaran Promosi seperti berikut semasa Tempoh Promosi, tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh Syarikat/Perniaga Turut Serta.

Bil.	Syarikat/Peniaga Sertaan	Promosi	Kuantiti	Catatan
1	Golden Screen Cinema (“GSC”)	Beli satu (1) & dapat satu (1) tiket wayang tambahan	5,040	Beli tiket wayang pada hari Sabtu melalui laman web GSC di www.gsc.com.my atau GSC Mobile App.
2	La Juiceria Superfoods (“LJSF”)	Beli satu (1) hidangan “a la carte” & dapat satu (1) jus “cold-pressed” atau “smoothies” (Minuman) bermula dari RM10.99 hingga RM13.99 Beli satu (1) & dapat satu (1) jus “cold-pressed” atau “smoothies” tambahan bermula dari RM10.99 hingga RM13.99	4,545	Promosi di kafe LJSF sahaja. Harga Minuman mesti sama atau lebih rendah daripada hidangan “a la carte” atau minuman yang dibayar.
	La Juiceria Detox Bar (“LJDB”)	Beli satu (1) & dapat satu (1) jus “cold-pressed” atau “smoothies” tambahan (“Minuman Tambahan) bermula dari RM10.99 hingga RM13.99		Promosi di semua LJDB & kecuali outlet stokes. Harga Minuman Tambahan mesti sama atau lebih rendah daripada minuman yang dibayar.

Bil.	Syarikat/Peniaga Sertaan	Promosi	Kuantiti	Catatan
3	Popular Bookstore	Beli satu (1) & dapat satu (1) RM5.00 Baucar Hadiah Popular Bookstore tambahan	16,000	Promosi sah di seluruh Popular Bookstore outlet di Malaysia.
4	Sticky	Beli satu (1) & dapat satu (1) botol "Mix Rock Candy" (L)170g tambahan	1,887	Promosi sah di seluruh Sticky outlet di Malaysia.
6	The Coffee Bean & Tea Leaf ("CBTL")	Beli mana-mana satu (1) minuman* & dapat satu (1) potong kek	6,667	Promosi sah di seluruh outlet CBTL di Malaysia kecuali outlet di HSBC Lebuh Ampang, Menara Citibank Intercontinental Kuala Lumpur, Lapangan Antarabangsa KL, Balai Ketibaan (Bangunan Terminal Utama) dan Sabah & Sarawak. *Sah untuk minuman gubahan tangan sahaja.

Nota :

* Outlet-stokes merujuk kepada Watsons pharmacy Suria KLCC & 1 Utama Shopping Centre, Ben's Independent Grocer Publika & Jalan Batai, Urban Spring Pilates Bangsar Kuala Lumpur, Espressolab KPMG and Kafe Huey & Wah Pulau Pinang.

4. Promosi adalah atas dasar siapa cepat dia dapat dan tertakluk kepada ketersediaan stok, dihadkan kepada **satu (1) penebusan bagi setiap Kad Debit setiap Sabtu** sepanjang Tempoh Promosi di Syarikat/Peniaga Sertaan berkenaan.
5. Promosi tidak boleh ditukar untuk wang tunai, juga tidak boleh digunakan bersama-sama dengan program promosi, promosi, diskaun, baucar atau kad keistimewaan lain yang disediakan di syarikat/peniaga berkenaan melainkan diberitahu sebaliknya.
6. Baucar Hadiah Popular Bookstore yang diberi dalam Promosi ini adalah tertakluk kepada terma dan syarat tambahan yang tertera pada Baucar Hadiah serta terma dan syarat Baucar Hadiah Popular Bookstore.
7. Promosi GSC hanya sah bagi pembelian tiket wayang pada hari Sabtu ("Hari Terpilih") yang dibuat melalui laman web GSC di www.gsc.com.my atau GSC Mobile App sepanjang Tempoh Promosi dan tidak bagi pembelian yang dibuat melalui apa-apa cara lain termasuk melalui telefon dan kaunter.
8. Pemegang Kad boleh membeli beberapa tiket wayang untuk menikmati Promosi GSC sepanjang Tempoh Promosi dengan syarat:
 - a) setiap Kad Debit hanya layak mendapat maksimum satu (1) Promosi GSC padahari Sabtu; dan
 - b) pembelian tiket pendahuluan tidak layak mendapat Promosi ini, iaitu tiket yang dibeli mesti untuk tayangan wayang pada hari sama dengan hari transaksi.
9. Promosi GSC hanya sah bagi tiket wayang 2D Dewasa biasa yang dijual di seluruh pawagan GSC di Malaysia (tidak termasuk "3D movies", "Dolby Atmos", "Gold Class", "Premiere Class", "GSC Signature", "Twin Seats", "DBOX", "Premium Leather Seat", dan "GSC Maxx").
10. Bagi mengelakkan keraguan, Promosi GSC akan diberi atas dasar siapa cepat dia dapat dengan had harian 420 Promosi GSC yang akan dijual pada setiap Hari Terpilih sepanjang Tempoh Promosi

(“Had Tiket Wayang”). Melainkan diberitahu sebaliknya, tiada lagi Promosi GSC akan diberi apabila sahaja “Had Tiket Wayang” telah dicapai.

11. Syarikat/Peniaga sertaan mungkin mempunyai terma dan syaratnya sendiri yang dikenakan bagi jualan, penyediaan dan/atau penguntukan Promosi.
12. Bank tidak akan menerima sebarang liabiliti atas apa-apa promosi /diskaun tambahan yang mungkin diberi oleh Syarikat/Peniaga sertaan atau sebarang perubahan kepada terma dan syarat Syarikat/Peniaga Sertaan.
13. Syarikat/Peniaga Sertaan berhak mengubah butir-butir berkenaan pada bila-bila masa tanpa memberi sebarang notis awal. Pemegang Kad dinasihatkan menyemak butir-butir serta terma dan syarat berkaitan dengan kakitangan Syarikat/Peniaga Sertaan.

UMUM

14. Dengan menyertai Promosi, Pemegang Kad:
 - (a) Membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi Terma & Syarat Promosi;
 - (b) bersetuju untuk mengakses Laman Web Bank di www.hlb.com.my (“Laman Web HLB”) dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma & Syarat dan untuk memastikan Pemegang Kad sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada Terma & Syarat;
 - (c) bersetuju bahawa Promosi tidak boleh ditukar untuk wang tunai pendahuluan, kredit, cek atau manfaat barang;
 - (d) bersetuju bahawa keputusan Bank dan Syarikat/Peniaga Sertaan atas segala hal berkaitan dengan Promosi adalah muktamad dan mengikat ke atas semua Pemegang Kad dan sebarang surat-menyurat dan/atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan Bank tidak akan dilayani;
15. Bank tidak akan bertanggungjawab, begitu juga tidak akan menerima sebarang liabiliti apa jenis pun dan bagaimana berbangkit pun atau dialami Pemegang Kad dan/atau pihak ketiga akibat secara langsung atau tidak langsung daripada penyertaan dalam Promosi.
16. Bank tidak bergabung dengan Syarikat/Peniaga Sertaan dan tidak membuat sebarang representasi atau waranti berkenaan dengan kualiti atau kesesuaian Promosi. Pemegang Kad hendaklah atas tanggungan dan perbelanjaan sendiri berurus secara terus dengan Syarikat/Peniaga Sertaan atas sebarang aduan, pertikaian atau tuntutan berkaitan dengan Promosi tanpa merujuk kepada Bank.
17. Pemegang Kad adalah bertanggungjawab dan akan menanggung sendiri segala cukai berkenaan, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan mereka dalam Promosi.
18. Terma & Syarat di dalam ini, Terma dan Syarat Am Akaun, Terma dan Syarat Kad Debit atau apa-apa terma dan syarat berkenaan yang mungkin ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan dan jika terdapat sebarang percanggahan, maka Terma & Syarat tertentu di dalam ini akan diutamakan setakat percanggahan tersebut.
19. Bank berhak :
 - (a) menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda Terma & Syarat terkandung di dalam ini, sama ada keseluruhan atau sebahagian, atau menggantung atau menamatkan Promosi atas budi bicara mutlak HLB tanpa memberi sebarang notis awal dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web HLB atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh HLB.
 - (b) menggantikan Promosi dengan sesuatu yang sama nilainya mengikut budi bicaranya yang mutlak,

20. Jika sekiranya terdapat percanggahan antara Terma & Syarat berbanding dengan mana-mana bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Promosi, maka Terma & Syarat muktamad dalam Laman Web Bank akan diutamakan.
21. Terma & Syarat adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad dengan ini bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia.